

Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Masyarakat Siam, Kedah

Language Choice in The Family Domain of Siam Society, Kedah

MUHAMAD KHAIRUL NAJMI AMRAN, WAN ROBIAH MEOR OSMAN
& NOR FAZILA AB HAMID

ABSTRAK

Masyarakat Siam merupakan golongan etnik minoriti yang terdapat di Kampung Bendang Raja, Pendang, Kedah. Masyarakat ini merupakan komuniti bahasa yang unik kerana mereka merupakan kaum bumiputera yang telah berhijrah sejak hubungan Sultan Kedah dengan Raja Bangkok sekitar tahun 1882-1942. Tambahan pula, dengan keadaan geografi negeri Kedah yang bersempadan dengan Thailand mewujudkan penghijrahan komuniti ini ke daerah-daerah negeri Kedah. Masyarakat ini dilihat telah berasimilasi dari segi bahasa dan budaya dengan penduduk tempatan, iaitu kaum Melayu sejak sekian lama. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan melihat pemilihan bahasa menerusi domain kekeluargaan (DKga) dalam komuniti ini. Kaedah dalam kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 150 orang responden yang berusia antara 20 hingga 50 tahun secara rawak. Kajian ini memanfaatkan Kerangka Fishman (1972). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat variasi pilihan bahasa dalam DKga yang cenderung memilih campuran bahasa Siam (BS) dan dialek Kedah (DK) bagi hubungan dalam lingkungan pertama, kedua dan ketiga, iaitu adik-beradik, ibu bapa, datuk, nenek, saudara rapat dan saudara-mara berkahwin campur. Manakala, bagi lingkungan kedua untuk mentua, menantu dan lingkungan ketiga bagi ipar-duai, biras, besan serta saudara jauh menunjukkan kecenderungan memilih DK sebagai bahasa interaksi harian. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa pemilihan bahasa sangat berkait rapat dengan jarak dan status sosial sesuatu hubungan dalam DKga.

Kata kunci: Pilihan bahasa; domain kekeluargaan; lingkungan kekeluargaan; masyarakat Siam

ABSTRACT

The Siamese community is an ethnic minority found in Kampung Bendang Raja, Pendang, Kedah. This community is a unique language community because they are bumiputera people who have migrated since the relationship between the Sultan of Kedah and the King of Bangkok around 1882-1942. Furthermore, with the geographical situation of the state of Kedah bordering Thailand, the migration of this community to the districts of the state of Kedah. This community is seen to have assimilated in terms of language and culture with the local population, namely the Malays for a long time. Accordingly, this study aims to look at language selection through the family domain in this community. The method in this study is a questionnaire that has been distributed to 150 respondents aged between 20 and 50 years old randomly. This study utilizes the Fishman Framework (1972). The results of the study show that there are variations in language choice in the family domain that tend to choose a mixture of Siamese and Kedah dialect for relationships in the first, second and third circles, namely siblings, parents, grandparents, close relatives and intermarried relatives. Meanwhile, for the second circle for parents-in-law, daughter-in-law and the third circle for brothers-in-law, brothers-in-law, cousins and distant relatives showed a tendency to choose the Kedah dialect as the language of daily interaction. Therefore, the results of this finding indirectly show that the choice of language is closely related to the distance and social status of a relationship in the family domain.

Keywords: Language choice; familial domain; family hierarchy; Siamese society

PENGENALAN

Dalam masyarakat yang mempunyai kepelbagaian bahasa, lazimnya cenderung untuk menggunakan campuran bahasa. Kebiasaannya, bahasa yang dominan dalam sesebuah masyarakat akan dijadikan sebagai bahasa perantara komunikasi. Penutur dalam sesebuah masyarakat akan memilih satu atau beberapa bahasa yang diwarisi sejak turun-temurun. Bahasa masyarakat majoriti atau bahasa yang dominan lazimnya membentuk pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda khususnya, seperti pemilihan bahasa dengan adik-beradik atau rakan-rakan kerana ia merupakan bahasa untuk bersosialisasi dengan lebih mudah dan selesa (Sa'adiah Ma'alip, 2010; 2012 dalam Nurul Atikah Binti Marshid & Sa'adiah Ma'alip, 2018). Apabila sesebuah keluarga itu menuturkan bahasa A, maka generasi seterusnya dalam keluarga tersebut secara tidak langsung akan memilih bahasa A kecuali jika terdapat aspek-aspek sosial yang lain seperti penghijrahan atau bahasa sekeliling yang dominan. Maka, akan terdapat perubahan dalam pemilihan bahasa (PB) dalam sesebuah keluarga atau komuniti itu. Masyarakat kajian di Pendang, Kedah misalnya memilih untuk menggunakan bahasa minoriti, iaitu bahasa Siam (BS) dalam pertuturan harian mereka. Masyarakat ini memilih BS sebagai bahasa interaksi harian disebabkan wujudnya faktor asimilasi bahasa yang telah lama berlaku. Faktor ini lazimnya dipengaruhi oleh hubungan kekeluargaan, kebudayaan, keagamaan dan kawasan persekitaran (Rahilah, Nasrun & Teo, 2016). Dalam konteks masyarakat di Pendang, Kedah ini PB berkait dengan faktor sejarah, iaitu penghijrahan komuniti tersebut dari Thailand dan tempoh asimilasi masyarakat yang lama. Penempatan orang Siam di Kedah bermula secara besar-besaran semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1942). Pada masa itu, Raja Siam Rama V Chulalongkorn (1868-1910) menggalakkan rakyatnya berhijrah untuk mencari kawasan pertanian dan menetap di Kedah (Khuarul Nisaaq & Clarence, 2018). Hal ini telah menyebabkan masyarakat Siam ini mengalami tempoh asimilasi bahasa dan budaya yang lama dengan masyarakat tempatan di Kedah. Maka, pemilihan bahasa boleh berubah mengikut situasi, faktor sekeliling dan jarak sosial sesuatu hubungan. Aspek-aspek ini akan menyebabkan seseorang penutur itu memilih bahasa yang dekat, selesa dan lazim digunakan. Maka, kajian ini ingin meneliti PB menerusi domain kekeluargaan (DKga) dalam masyarakat di Pendang, Kedah.

PEMILIHAN BAHASA

Dalam masyarakat majmuk pilihan bahasa bersifat rencam. Kebanyakannya dipengaruhi oleh faktor sosial seperti jarak hubungan kekeluargaan, adat resam, budaya harian, aspek keagamaan, aspek persekitaran seperti sejarah penghijrahan atau perpindahan dan aspek penjajahan serta dominasi bahasa majoriti dalam sesebuah masyarakat. Mahmud & Dini (2021) menyatakan bahawa penentuan PB dalam sesuatu kelompok masyarakat boleh dirujuk menerusi lima faktor sosiobudaya iaitu; (1) peserta sewaktu komunikasi, (2) situasi sewaktu komunikasi, (3) tujuan komunikasi, (4) subjek yang dibicarakan dan (5) norma sewaktu komunikasi. Penentuan bahasa pilihan yang bersesuaian dapat memastikan komunikasi berjalan lancar. Holmes (2008) turut mengelaskan penentuan PB berdasarkan empat faktor, iaitu; (1) jarak sosial antara interlokutor; (2) perhubungan status (3) formaliti atau ciri-ciri latar dan (4) sasaran atau fungsi interaksi dalam kalangan komuniti.

Kajian PB kebanyakannya memanfaatkan lima domain Fishman (1972), iaitu DKga, domain persahabatan, domain pendidikan, domain pekerjaan dan domain keagamaan. Dalam kajian Chong, Hendrikus & Collins (2018) terdapat empat domain Fishman (1972) digunakan, iaitu DKga, persahabatan, keagamaan dan pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa domain menentukan PB suku Penan Muslim. Kaum ini memilih bahasa Bintulu sebagai lambang identiti agama Islam. Walaupun begitu, apabila berinteraksi interetnik dan intraetnik, kaum ini menggunakan bahasa Iban secara bersilih ganti dengan bahasa Penan. Kajian ini memberikan implikasi tersendiri khususnya tentang penggunaan bahasa lain, iaitu bahasa Bintulu, Iban dan Penan selain daripada bahasa Melayu (BM) yang sangat sinonim dengan agama Islam.

Hal yang sama juga boleh dilihat menerusi kajian Nurul Atikah & Sa'adiah (2018) yang menggunakan empat domain, iaitu DKga, kejiranan dan persahabatan, keagamaan dan pekerjaan. Dapatan daripada soal selidik dan temu bual oleh 100 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Siam Peranakan yang menetap di Alor Setar, Kedah mendapati bahawa BS menjadi pilihan dan keutamaan dalam empat domain yang diteliti. Masyarakat ini berprinsip bahawa BS perlu dipelihara walaupun merupakan bahasa minoriti. Selain itu, responden ini juga beranggapan bahawa lima bahasa yang digunakan, iaitu BS, BM, BM campur BS, bahasa Inggeris (BI) dan bahasa-bahasa lain mempunyai peranan masing-masing sebagai bahasa identiti bangsa, bahasa pengantar, bahasa pekerjaan dan bahasa yang ingin dipelajari.

Pengekalan PB ibunda ini juga boleh dilihat dalam kajian Mohd. Arifin, Norazlina & Noor Aina (2020) terhadap 56 orang pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Kajian yang hanya meneliti dua domain Fishman (1972), iaitu DKga dan domain pendidikan ini mendapati bahawa dalam domain perilaku bahasa, dialek Melayu Brunei merupakan bahasa yang dominan di rumah dan di sekolah yang penggunaannya melebihi 60%. Peserta kajian juga didapati paling kerap menggunakan dialek ini dengan ahli keluarga dalam konteks hubungan-peranan. Manakala dalam konteks hubungan-peranan secara formal dengan pengetua sekolah, para guru dan rakan sekolah terdapat kecenderungan menggunakan dialek Melayu Brunei. Kajian ini juga menunjukkan terhadap hubungan yang sederhana positif korelasi .438 antara penggunaan bahasa ibunda dalam kedua-dua domain yang diteliti.

Kajian Rahilah, Nasrun & Teo (2016) terhadap etnik minoriti, iaitu masyarakat Chetti di Kampung Gajah Berang, Melaka juga menunjukkan bahawa masyarakat ini masih aktif menggunakan bahasa mereka terutamanya dalam DKga di rumah. Masyarakat ini juga dilihat masih mempertahankan bahasa Chetti walaupun mempunyai kebolehan berbahasa Inggeris dengan baik dan menggunakannya dalam komunikasi harian mereka. Keadaan ini menunjukkan pengekalan bahasa Chetti sebagai bahasa minoriti merupakan suatu yang amat positif bagi sebuah masyarakat yang berada dalam kelompok majoriti di Melaka.

Keadaan yang sama juga boleh dilihat menerusi kajian Siti Aisah, Riduan & Mohd Sharifudin (2019). Hasil kajian terhadap 175 orang responden masyarakat Semai di Kampung Orang Asli Serigala dan Kampung Orang Asli Changkat Bintang mendapati bahawa masyarakat Semai ini masih meletakkan bahasa Semai sebagai wahana utama komunikasi dalam mandala kekeluargaan. Kajian juga menunjukkan generasi pertama dan kedua yang berusia sekitar 40 hingga 70 tahun ke atas masih utuh berbahasa Semai dalam DKga. Manakala, generasi muda bawah 40 tahun lebih cenderung memilih bahasa campuran, iaitu bahasa Semai dan BM. Selain itu, bahasa Temuan juga dikuasai oleh generasi kedua dan ketiga dalam masyarakat ini, namun penggunaan bahasa ini bagi kedua-dua kampung agak terbatas dalam DKga.

Selain itu, kajian Berawati et al. (2020) juga memanfaatkan kerangka Fishman (1972) dari aspek kekeluargaan, kejiwaan, pendidikan, keagamaan, urusan perkhidmatan dan jual-beli dalam menganalisis data PB tiga generasi etnik Bajau di Kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa generasi pertama dan kedua lebih kerap menggunakan bahasa Bajau Sama, manakala generasi ketiga telah beralih menggunakan BM. Dalam domain kejiwaan kajian ini mendapati bahawa generasi pertama masih mengekalkan bahasa ibunda mereka, iaitu Bajau Sama manakala generasi kedua dan ketiga masing-masing memilih BM. Kajian ini juga menunjukkan peralihan penggunaan BM dalam kalangan masyarakat Bajau Sama dalam domain pendidikan, keagamaan, urusan perkhidmatan dan jual beli. Generasi ketiga khususnya golongan muda kaum ini mulai beralih kepada BM dalam DKga dan domain awam. Menerusi dapatan menunjukkan wujudnya kemerosotan transmisi bahasa ibunda antara generasi dalam kalangan masyarakat etnik Bajau Sama ini.

Peralihan bahasa ini juga boleh dilihat dalam kajian Noraisikin, Mohammad Fadzeli & Harishon (2020) terhadap masyarakat Cham di Ulu Tiram, Johor. Masyarakat ini tidak lagi mengekalkan bahasa Cham apabila sebahagian besar responden yang berusia dalam lingkungan 12 hingga 64 tahun mulai menggunakan BM sebagai bahasa dominan sesama ahli keluarga. Responden daripada generasi kedua pula didapati beralih sepenuhnya daripada bahasa Cham kepada BM. Kajian juga menunjukkan faktor mobiliti sosial, iaitu keetnikan, perubahan etnik dan nasionalisme wilayah telah menyumbang kepada peralihan bahasa Cham. Menerusi kajian juga mendapati bahawa peralihan bahasa telah berlaku seawal generasi kedua walaupun belum mencapai skala menyeluruh.

Seterusnya, kajian Khairul Ashraaf & Harishon (2023) pula meneliti PB dalam kalangan peserta Pusat Latihan Dakwah Orang Asli (PULDOA) di Kok Lanas, Kelantan. Kajian ini juga menggunakan kerangka Teori Analisis Domain Fishman (1972) dalam tiga domain, iaitu domain semasa pengajaran dan pembelajaran, domain semasa interaksi dengan kelainan etnik dan domain semasa bersosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta PULDOA memilih menggunakan Bahasa Melayu Standard (BMS), bahasa Temiar dan dialek Kelantan sebagai bahasa pilihan paling dominan dalam ketiga-tiga domain kajian. BMS telah dipilih sebagai bahasa komunikasi utama bersesuaian dengan konteks kursus yang mampu memberikan tahap kefahaman yang maksimum dan berkesan dalam kalangan peserta berlainan etnik orang asli di PULDOA.

Berlainan dengan kajian oleh Sa'adiah (2015) yang meneliti PB pengguna laman sosial di *Facebook, Instagram, Twitter* dan *Friendster* mendapati bahawa BM dan BI menjadi pilihan utama penggunaannya diikuti bahasa Cina, bahasa India dan bahasa-bahasa lain. Kajian ini juga mengaplikasikan kerangka Fishman (1972) terhadap 180 orang pengguna laman sosial. Hasil kajian mendapati bahawa BM dan BI menjadi pilihan pengguna laman sosial diikuti oleh bahasa Cina, bahasa India, dan bahasa-bahasa lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pola PB yang digunakan di laman sosial adalah sama bagi tujuan komunikasi yang berlainan, iaitu BM dan BI yang menjadi pilihan utama pengguna.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah mengedarkan borang soal selidik secara rawak kepada 150 orang responden. Sampel yang dipilih secara rawak dapat meningkatkan kemungkinan yang sampel akan mewakili dengan lebih tepat populasi kajian (Othman Lebar, 2014). Hasil kutipan borang selidik memperoleh responden yang terdiri daripada 90 orang lelaki dan 60 orang perempuan yang

bermastautin di Kampung Bendang Raja, Pendang, Kedah. Responden dalam kajian ini berusia antara 20-50 tahun. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan Kerangka Fishman (1972). Fishman (1972) telah memperkenalkan lima domain, iaitu DKga, domain persahabatan, domain pendidikan, domain pekerjaan dan domain keagamaan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada DKga. Pemilihan DKga ini kerana ia merupakan domain yang penting dan asas kepada mempertahankan bahasa ibunda (Sa'adiah, 2019; Fishman, 1991). Fishman (1991) juga menegaskan tentang kepentingan PB ibunda dalam DKga. Hal ini disebabkan ketidakupayaan masyarakat mengekalkan rumah atau keluarga sebagai domain utama penggunaan bahasa ibunda akan membawa kepada peralihan bahasa (Noraisikin, Mohammad Fadzeli & Harishon, 2020)

Selain itu, borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden telah dirangka dan diubah suai daripada kajian Mohammed Azlan (2012) yang mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A berkaitan dengan maklumat peribadi, bahagian B pula berkaitan tahap penguasaan bahasa dan bahagian C berkenaan dengan PB berasaskan DKga Fishman (1972).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan dari segi penguasaan bahasa menunjukkan responden kajian, iaitu masyarakat siam di Pendang, Kedah fasih berbahasa Siam. Menerusi Jadual 1 didapati daripada 150 orang responden, terdapat 82% penduduknya menguasai BS dengan baik. Sementara itu, 28% lagi dalam kategori kurang fasih, tidak fasih dan sangat tidak fasih. Hal yang sebaliknya berlaku kepada BI, iaitu seramai 68% penduduknya kurang atau tidak fasih berbahasa Inggeris. Manakala bagi DK pula, kesemua responden dilihat fasih menggunakan dialek ini. Selain itu, menerusi soal selidik didapati dialek Penang (DP) hanya seramai 13 orang yang kurang dan tidak fasih menggunakan dialek ini. Sementara itu, bagi BMS hanya 4 orang responden menyatakan kurang fasih berbahasa ini.

JADUAL 1. Tahap Penguasaan Bahasa


Bahasa	Skala										Jumlah Responden dan Peratus	
	1 Sangat Tidak Fasih		2 Tidak fasih		3 Kurang Fasih		4 Fasih		5 Sangat Fasih			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
BMS	-	-	-	-	4	2.7	30	20	116	77.3	150	100
BS	2	1.3	14	9.3	10	6.7	48	32	76	50.7	150	100
BI	29	19.3	30	20	43	28.7	27	18	21	14	150	100
DK	-	-	-	-	-	-	18	12	132	88	150	100
DP	-	-	3	2	10	6.7	93	62	44	29.3	150	100
Bahasa /dialek lain	-	-	-	-	9	11.4	20	25.3	50	63.3	79	100

Kajian juga mendapati 88% penutur mengatakan mereka fasih menggunakan bahasa atau dialek lain. Bahasa atau dialek lain yang dimaksudkan oleh responden ialah dialek Perlis dan dialek Kelantan masing-masing mempunyai peratusan sebanyak 63.3% dan 25.3%. Faktor lokasi, iaitu negeri Perlis dan Kelantan yang berdekatan dengan negeri Kedah menjadi faktor yang mempengaruhi responden dalam kajian ini menggunakan kedua-dua dialek ini. Selain itu, sebanyak 11.4% menyatakan kurang fasih untuk kedua-dua dialek yang dinyatakan. Responden

menyatakan bahawa mereka hanya mendengar kedua-dua dialek ini secara tidak langsung oleh keluarga mentua.

DOMAIN KEKELUARGAAN (DKga)

Kerangka domain dan PB yang diperkenalkan oleh Fishman (1972) menegaskan bahawa pemilihan sesuatu bahasa dalam interaksi sosial, didorong oleh faktor-faktor tertentu seperti topik perbualan, peserta, lokasi dan akhirnya membentuk situasi komunikasi yang dikenali sebagai domain (Dilah et al., 2021). Analisis sesuatu domain membolehkan pengkaji memahami fenomena PB dan mengesan sebarang perbezaan bahasa berdasarkan tatatingkat sosial dan situasi dalam sesuatu komuniti (Nor Hisham, 1994 dalam Dilah Tuah et al., 2021). DKga ialah domain yang merangkumi persekitaran bahasa antara ahli keluarga dan kaum kerabat yang saling mengenali antara satu sama lain. Lazimnya, domain ini berlaku dalam persekitaran kediaman ahli keluarga dan kaum kerabat yang terlibat.



RAJAH 1. Lingkungan Hubungan dalam Domain Kekeluargaan

DKga dalam kajian ini dipecahkan kepada tiga lingkungan hubungan, iaitu lingkungan pertama terdiri daripada ibu bapa dan adik-beradik. Jika seseorang responden itu berkahwin maka pasangan dan anak-anaknya termasuk dalam lingkungan pertama. Seterusnya, pada lingkungan kedua pula terdiri daripada datuk, nenek, mentua dan menantu. Selain itu, pada lingkungan hubungan ketiga pula terdiri daripada ipar-duai, biras, besan, saudara dekat dan jauh serta saudara-mara yang berkahwin campur.

LINGKUNGAN PERTAMA KEKELUARGAAN

Lingkungan pertama kekeluargaan melibatkan persekitaran intim dan rapat yang terdiri daripada ibu bapa dan adik-beradik. Manakala, jika seseorang responden tersebut berkahwin, maka pasangan dan anak-anak juga termasuk dalam lingkungan ini. Dalam lingkungan hubungan pertama kekeluargaan ini lazimnya komunikasi bersifat peribadi dan bahasa yang digunakan atau dipilih kebiasaannya bahasa yang dekat, mudah dan selesa.

BAPA

Bapa atau ayah ialah ketua dalam sesebuah keluarga. Bapa memainkan peranan penting dalam menentukan bahasa interaksi antara ahli keluarga. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan hampir sebahagian besar responden memilih dua bahasa, iaitu BS dan DK sebagai bahasa komunikasi utama ketika berinteraksi dengan bapa di rumah. Hal ini boleh dilihat daripada 150 orang responden kajian ini, seramai 87 orang atau 58% daripada mereka memilih BS dan DK. Manakala, bahasa yang menyumbang bilangan dan peratusan kedua tertinggi pula ialah BS sebanyak 20% atau 30 orang yang memilihnya apabila berkomunikasi dengan ketua keluarga. Sementara itu, DK mencatatkan bilangan responden seramai 17 orang atau 11.3%.

JADUAL 2. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Lingkungan Pertama

Bahasa	Domain Kekeluargaan I					
	Ayah/Bapa		Ibu/Mak		Adik-Beradik	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
BM	3	2	3	2	3	2
BS	30	20	30	20	13	8.7
BI	0	0	0	0	0	0
DK	17	11.3	20	13.3	29	19.3
BM + BS + DK	5	3.3	3	2	3	2
BS + DK	87	58	84	56	95	63.3
BS + BI + DK	1	0.7	0	0	1	0.7
BM + Bahasa/ Dialek Lain	1	0.7	0	0	1	0.7
BM + DK	6	4	8	5.3	5	3.3
BM + BI	0	0	2	1.3	0	0
JUMLAH	150	100	150	100	150	100

Seterusnya, seramai 6 orang memilih untuk menggunakan BM dan DK, iaitu bersamaan dengan 4%. Data ini jelas menunjukkan bahawa responden kajian ini kurang menggunakan campuran BM dan DK. Hal yang sama juga boleh dilihat menerusi pemilihan BM sahaja mencatatkan penggunaan sebanyak 2% atau 3 orang. Sementara itu, campuran antara BS, BI dan DK serta campuran BM dan bahasa atau dialek lain hanya mencatatkan 1 orang atau 0.7%. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada penggunaan BI dan campuran BM serta BI semasa interaksi dengan bapa di rumah. Lokasi kajian yang berada di luar bandar menjadi salah satu faktor pendorong kepada pemilihan BS dan DK dalam DKga ini yang secara tidak langsung telah sebatikan sebagai rutin komunikasi masyarakat. Hasil dapatan menunjukkan hampir keseluruhan responden kajian ini mengetengahkan dua bahasa yang berbeza yakni DK dan BS sebagai pilihan bahasa utama mereka ketika berinteraksi dengan bapa di rumah. Pemilihan gabungan kedua-dua bahasa ini jelas membuktikan bahawa responden kajian sama sekali tidak menyisihkan penggunaan DK dalam kehidupan mereka sebaliknya memilih kedua-dua bahasa ini sebagai bahasa utama yang mengatasi penggunaan mereka terhadap bahasa-bahasa yang lain.

IBU

Ibu atau emak memainkan peranan sebagai pemangkin utama dalam sesebuah keluarga. Ibu berperanan dalam mendukung dan menjadi penasihat kepada ketua keluarga. Berdasarkan Jadual 2 kebanyakan responden lebih cenderung menggunakan gabungan BS dan DK, iaitu 56% ketika berkomunikasi dengan ibu masing-masing. Pemilihan gabungan kedua bahasa ini menjadikan ia sebagai jumlah yang paling tinggi antara bahasa-bahasa yang disenaraikan. Hal ini kerana, daripada 150 orang responden yang terlibat, ia mencatatkan bilangan seramai 84 orang yang

menjadikan ia jumlah yang tertinggi. Seterusnya, penggunaan BS dalam kalangan responden pula mencatatkan bilangan seramai 30 orang bersamaan dengan 20% dan DK seramai 20 orang (13.3%). Seterusnya, gabungan BM dan DK pula mencatatkan sebanyak 8 orang (5.3%) manakala, BM hanya mencatatkan 3 orang, iaitu 2%. Gabungan tiga bahasa yang melibatkan BM, BS dan DK juga mencatatkan jumlah yang sama dengan penggunaan BM, iaitu 3 orang atau 2%. Selain itu, penggunaan gabungan antara BM dan BI ketika berinteraksi dengan ibu di rumah hanya melibatkan 2 orang sahaja atau 1.3%.

Pemilihan gabungan bahasa yang melibatkan BM dan bahasa atau dialek lain sama sekali tidak digunakan oleh responden kajian ini ketika berinteraksi dengan ibu. Hal yang sama juga boleh dilihat bagi gabungan BS, BI dan DK yang mencatatkan bilangan dan peratusan sifar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden kajian cenderung menggunakan gabungan BS dan Kedah dalam interaksi harian mereka. Dapatan kajian juga menyamai data yang diperoleh bagi interaksi responden dengan bapa dalam DKga kajian ini. Hanya yang berbeza dari segi jumlah peratusan, iaitu bapa sebanyak 58% dan ibu sebanyak 56%. Yang menariknya, peratusan bagi penggunaan BS kedua-duanya mencatatkan jumlah yang sama sebanyak 20%. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dapatan antara bapa dan ibu tidak mempunyai banyak perbezaan yang ketara. Hanya terdapat perbezaan kecil dalam setiap PB yang dipilih.

ADIK-BERADIK

Adik-beradik boleh terdiri daripada saudara kandung yang mempunyai hubungan darah atau tidak mempunyai hubungan darah, misalnya adik-beradik tiri atau adik-beradik angkat. Dalam konteks kajian ini adik-beradik bermaksud saudara kandung yang mempunyai pertalian darah daripada induk keluarga, iaitu bapa dan ibu. Hasil kajian dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengutamakan gabungan BS dengan DK serta DK sebagai bahasa pilihan utama untuk berinteraksi dengan adik-beradik mereka di rumah. Hal ini boleh dilihat menerusi gabungan BS dengan DK yang mencatatkan bilangan tertinggi, iaitu seramai 95 orang atau 63.3% manakala DK pula mencatatkan 29 orang atau 19.3%. Manakala BM, BI dan dialek lain mencatatkan jumlah yang kecil, iaitu kurang daripada 4%.

Data jelas menunjukkan bahawa terdapat dominasi pilihan BS dan DK yang dilakukan oleh kebanyakan responden dalam kajian ini. Menerusi dapatan juga menunjukkan wujudnya peralihan PB daripada BS kepada DK. Hal ini boleh dilihat responden memilih BS apabila berinteraksi dengan bapa dan ibu sebanyak 20%, namun apabila berinteraksi dengan adik-beradik bahasa ini telah menurun kepada 8.7% sahaja. Peningkatan PB tertumpu kepada DK sebanyak 19.3% berbanding ketika berinteraksi dengan bapa sebanyak 11.3% dan ibu sebanyak 13.3%.

Hasil dapatan dalam DKga lingkungan pertama menunjukkan bahawa gabungan BS dan DK telah mendominasi PB responden kajian ini. Kemudiannya, diikuti oleh BS dan DK yang menjadi pilihan bahasa responden. Manakala bahasa-bahasa lain seperti BM dan BI penggunaannya amat sedikit. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan BM dan BI lebih signifikan digunakan dalam urusan rasmi seperti di sekolah atau di tempat kerja berbanding dalam DKga.

LINGKUNGAN KEDUA KEKELUARGAAN

Lingkungan kedua kekeluargaan melibatkan persekitaran yang kurang intim tetapi masih rapat yang terdiri daripada datuk, nenek, mentua dan menantu. Dalam lingkungan hubungan kedua kekeluargaan ini lazimnya komunikasi masih bersifat peribadi dan bahasa yang digunakan atau dipilih kebiasaannya bahasa rutin yang mudah dan selesa.

DATUK

Datuk ialah bapa kepada ayah atau ibu dalam sesebuah keluarga. Kebiasaannya panggilan datuk diberikan apabila ayah dan ibu dalam sesebuah keluarga tersebut mempunyai anak-anak. Jadual 3 menunjukkan responden memilih gabungan BS dengan DK sebanyak 58.7% atau 88 orang, manakala sebanyak 23.3% atau 35 orang memilih BS apabila berinteraksi dengan datuk mereka dalam lingkungan kekeluargaan kedua. Sementara itu, DK digunakan sebanyak 9.3% atau 14 orang dan gabungan BM dengan DK pula mencatatkan sebanyak 4.7% atau 7 orang. Selain itu, BM dan gabungan BM, BS dan DK pula masing-masing mencatatkan 2% atau 3 orang sahaja yang menggunakannya.

JADUAL 3. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Lingkungan Kedua

Bahasa	Domain Kekeluargaan II							
	Datuk		Nenek		Mentua		Menantu	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
BM	3	2	3	2	1	1.6	1	2.2
BS	35	23.3	35	23.3	1	1.6	1	2.2
BI	0	0	0	0	0	0	0	0
DK	14	9.3	17	11.3	34	52.3	28	60.9
BM + BS + DK	3	2	5	3.3	1	1.6	4	8.7
BS + DK	88	58.7	87	58	16	24.7	5	10.8
BS + BI + DK	0	0	0	0	0	0	0	0
BM + Bahasa/ Dialek Lain	0	0	0	0	0	0	0	0
BM + DK	7	4.7	3	2	12	18.5	7	15.2
BM + BI	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	150	100	150	100	65	100	46	100

Hasil analisis dapatan kajian mendapati BI tidak digunakan dalam lingkungan kedua kekeluargaan ini. Keberadaan lokasi kajian yang terletak di luar bandar menyebabkan bahasa komunikasi utama berkisar dengan bahasa yang dekat dengan responden, iaitu BS dan DK. Berdasarkan Jadual 3 juga menunjukkan bahawa gabungan BS, BI, dan DK tidak digunakan. Hal yang sama berlaku kepada gabungan BM dan bahasa atau dialek lain, termasuklah gabungan BM dan BI juga tidak digunakan.

NENEK

Nenek ialah ibu kepada emak atau ayah dalam sesebuah keluarga. Panggilan ini digunakan apabila pasangan emak dan ayah mempunyai anak. Anak ini akan memanggil sama ada nenek, opah atau wan mengikut panggilan tradisi dalam sesebuah keluarga. Panggilan ini berbeza mengikut negeri. Dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa tiada responden yang memilih dan menggunakan BI, gabungan BS, BI, dan DK serta gabungan BM dan bahasa atau dialek lain dan juga gabungan BM dan BI semasa berinteraksi dengan nenek mereka. Hal ini disebabkan oleh majoriti responden memilih gabungan BS dan DK apabila berinteraksi dengan nenek mereka. Pemilihan gabungan BS dan DK ini mencatatkan bilangan dan peratusan yang tertinggi, iaitu sebanyak 87 orang responden atau 58%, manakala 35 orang responden atau 23.3% memilih untuk menggunakan BS sebagai bahasa utama mereka ketika bertutur dengan nenek mereka.

Selain itu, data dalam Jadual 3 juga menunjukkan bahawa seramai 17 orang responden atau 11.3% didapati telah memilih DK ketika berinteraksi bersama dengan nenek di rumah. Selain itu juga, BM turut digunakan oleh responden, iaitu melibatkan seramai 3 orang atau 2%, manakala

gabungan BM dengan DK dilihat turut digunakan oleh responden kajian yang merangkumi 2% atau 3 orang. Keseluruhan data dalam Jadual 3 jelas membuktikan bahawa kebanyakan responden telah memilih gabungan BS dengan DK sebagai bahasa pilihan utama mereka ketika berinteraksi dengan nenek ketika berkunjung atau di rumah nenek. Hal ini dapat dibuktikan melalui jumlah bilangan dan peratusan yang dikemukakan dalam Jadual 3 tersebut, manakala BI masih mengekalkan jumlah bilangan dan peratusan yang tidak mencatatkan sebarang angka.

MENTUA

Mentua ialah ibu atau bapa kepada isteri atau suami dalam sesebuah keluarga. Dalam tatatingkat kekeluargaan mentua tergolong dalam lingkungan kekeluargaan kedua. Hal ini bermaksud keluarga belah mentua masih mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat disebabkan wujudnya pertalian darah antara anak menantu. Menerusi Jadual 3 menunjukkan responden lebih gemar menggunakan DK sebanyak 52.3% atau 34 orang diikuti gabungan BS dengan DK 24.7% atau 16 orang dan gabungan BM dengan DK sebanyak 18.5% atau 12 orang ketika berinteraksi dengan mentua.

Tiada responden yang memilih BI, gabungan BS, BI dan DK serta gabungan BM dengan bahasa atau dialek lain dan juga gabungan BM dengan BI ketika berinteraksi bersama dengan mentua mereka. Hal ini menunjukkan DK tetap menjadi pilihan utama responden semasa berinteraksi dengan mentua mereka. Selain itu, terdapat juga responden yang menggunakan BM, BS dan gabungan BM, BS dan DK yang mempunyai jumlah yang sama, iaitu sebanyak 1.6% atau 1 orang ketika berinteraksi bersama dengan mentua mereka. Hasil kajian menunjukkan DK mendominasi PB dalam kalangan responden ketika bertutur dengan mentua berbanding BS. Hal ini menggambarkan apabila hubungan kekeluargaan tersebut semakin jauh dan interaksi semakin luas maka BS kurang digunakan.

MENANTU

Menantu ialah isteri atau suami kepada anak sendiri dalam hubungan kekeluargaan. Apabila seseorang anak dalam sesebuah keluarga berkahwin maka ibu dan ayah akan memperoleh menantu, sama ada lelaki atau perempuan. Menerusi hubungan kekeluargaan menantu termasuk dalam lingkungan kedua. Dalam kajian ini hanya terdapat 46 orang responden sahaja yang mempunyai menantu. Berdasarkan Jadual 3, seramai 28 orang responden atau 60.9% telah memilih DK sebagai bahasa utama yang dituturkan ketika mereka berinteraksi bersama menantu. Selain itu, hanya 5 orang responden sahaja yang memilih gabungan BS dengan DK sebagai bahasa pilihan mereka. PB berkenaan telah menyumbang kepada peratusan sebanyak 10.8% daripada jumlah keseluruhan. Selain itu, terdapat juga responden yang memilih gabungan BM dan DK iaitu seramai 7 orang atau 15.2% dan 4 orang atau 8.7% yang memilih gabungan BM, BS dan DK. Seterusnya, hanya 1 orang responden atau 2.2% sahaja memilih BM dan BS ketika berinteraksi bersama dengan menantu mereka.

LINGKUNGAN KETIGA KEKELUARGAAN

Lingkungan ketiga kekeluargaan melibatkan persekitaran yang semakin jauh, tidak intim tetapi masih berhubung disebabkan oleh pertalian kekeluargaan. Lingkungan kekeluargaan ketiga ini terdiri daripada ipar-duai, biras, besan, saudara rapat, saudara jauh dan saudara-mara kahwin campur. Dalam lingkungan hubungan ketiga kekeluargaan ini lazimnya komunikasi semakin

umum bergantung kepada keakraban sesesuatu pertalian tersebut. Bahasa yang dipilih juga mulai bersifat umum dan menggunakan rutin bahasa sekeliling yang mudah dan selesa.

IPAR-DUAI

Ipar-duai merupakan pertalian saudara antara belah suami atau isteri. Panggilan ipar boleh diberikan kepada saudara belah suami atau isteri yang terdiri daripada kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Misalnya abang ipar, kakak ipar dan adik ipar merupakan panggilan kepada abang, kakak atau adik belah suami atau isteri. Panggilan ini wujud disebabkan pertalian saudara yang berlaku apabila terjadinya perkahwinan antara dua buah keluarga. Berdasarkan Jadual 4, seramai 32 orang responden atau 50% daripada 64 orang responden telah memilih DK sebagai bahasa utama yang digunakan semasa interaksi dengan ipar-duai ketika berkunjung ke rumah mereka.

Selain itu, seramai 21 orang responden atau 32.9% memilih gabungan BS dan DK sebagai bahasa utama mereka. Manakala, 5 orang atau 7.8% memilih gabungan BM dan DK sebagai bahasa utama yang digunakan ketika bertutur dengan ipar-duai mereka. Bagi BS pula, ia mencatatkan bilangan responden sebanyak 3 orang atau 4.7%. Selain itu, terdapat juga responden yang memilih gabungan BM, BS dan DK sebagai bahasa pilihan mereka, iaitu sebanyak 2 orang atau 3% dan seramai 1 orang atau 1.6% memilih BM untuk berinteraksi dengan ipar-duai mereka. Bahasa-bahasa lain dilihat tidak menjadi pilihan para responden untuk digunakan.

JADUAL 4. Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Lingkungan Ketiga

Bahasa	Domain Kekeluargaan III											
	Ipar-duai		Biras		Besan		Saudara Rapat		Saudara Jauh		Saudara Kahwin Campur	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
BM	1	1.6	0	0	2	4.3	3	2	6	4	3	17.6
BS	3	4.7	1	1.6	0	0	31	20.7	5	3.3	2	11.8
BI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
DK	32	50	38	60.3	8	17.4	17	11.3	67	44.7	1	5.9
BM + BS+ DK	2	3	3	4.8	2	4.3	3	2	26	17.3	1	5.9
BS + DK	21	32.9	18	28.6	3	6.6	88	58.7	27	18	9	52.9
BS + BI + DK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
BM + Bahasa/ Dialek Lain	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
BM + DK	5	7.8	2	3.1	31	67.4	8	5.33	18	12	1	5.9
BM + BI	0	0	1	1.6	0	0	0	0	1	0.7	0	0
JUMLAH	64	100	63	100	46	100	150	100	150	100	17	100

BIRAS

Biras ialah pertalian saudara antara dua orang (sama ada lelaki atau perempuan) yang berkahwin antara dua adik-beradik. Dalam kajian ini seramai 63 orang responden mempunyai biras. Hasil kajian menunjukkan seramai 38 orang atau 60.3% memilih DK sebagai bahasa utama mereka ketika berinteraksi bersama dengan biras. Selain itu, seramai 18 orang atau 28.6% memilih gabungan BS dengan DK sebagai bahasa utama mereka, manakala 3 orang atau 4.8% memilih gabungan BM, BS dan DK. Seterusnya, BS dan gabungan BM dan BI mencatatkan bilangan 1 orang responden atau 1.6%. Jadual 4 juga jelas menunjukkan bahawa bahasa-bahasa lain seperti BM, BI, gabungan BS, BI dan DK dan gabungan BM, bahasa dan dialek lain tidak digunakan oleh responden kajian ini.

BESAN

Besan wujud daripada perkahwinan dua buah keluarga, iaitu hubungan yang terjalin antara kedua-dua ibu bapa pihak suami atau isteri. Dalam kajian ini terdapat 46 orang responden yang mempunyai besan. Hasil kajian menerusi Jadual 4 mendapati bahawa majoriti responden memilih gabungan BM dengan DK apabila berinteraksi dengan besan mereka, iaitu 67.4% atau 31 orang dan 17.4% atau 8 orang bagi DK. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin jauh jarak hubungan kekeluargaan maka PB yang digunakan mengikut bahasa masyarakat majoriti. Hal ini menunjukkan responden cenderung memilih DK dan BM yang merupakan bahasa tempatan yang dekat dengan masyarakat di Pendang Kedah. BS tidak digunakan ketika berinteraksi dengan besan. Gabungan BS dengan bahasa lain seperti BM, DK mencatatkan peratusan kurang daripada 7%.

Secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual 4, jelas menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan gabungan BM dengan DK sebagai bahasa utama mereka ketika berinteraksi bersama dengan besan. PB yang mencatatkan jumlah keseluruhan yang tertinggi ini memberikan gambaran bahawa responden memilih untuk menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh besan mereka. Gabungan BM dengan DK semasa interaksi bersama besan dilihat menjadi pilihan responden kerana aspek kebahasaan yang menjadi bahasa majoriti masyarakat di Pendang Kedah khususnya dan bahasa rasmi di Malaysia amnya.

SAUDARA RAPAT

Saudara rapat ialah seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang akrab atau dikenali sebagai saudara dekat (Kamus Perdana, 2021). Saudara rapat ini boleh terdiri daripada saudara sebelah suami, isteri, ibu, bapa, datuk dan nenek yang mempunyai pertalian menerusi sesuatu perkahwinan. Berdasarkan kajian didapati seramai 88 orang responden telah memilih gabungan BS dengan DK sebagai bahasa utama yang mereka gunakan ketika berinteraksi bersama dengan saudara rapat mereka. Bilangan ini juga telah menyumbang peratusan sebanyak 58.7%, iaitu bilangan dan peratusan yang tertinggi daripada kesemua bahasa yang disenaraikan dalam Jadual 4. Selain itu, terdapat juga responden yang memilih BS sebagai bahasa utama mereka, iaitu seramai 31 orang atau 20.7%. Manakala bagi DK pula, bilangan responden yang memilih DK sebagai bahasa utama ketika interaksi dengan saudara rapat ialah sebanyak 17 orang atau 11.3%. Seterusnya, BM dilihat kurang digunakan, iaitu hanya mencatatkan 3 orang atau 2% sahaja, namun gabungan BM dengan DK pula sebanyak 8 orang atau 5.3%. Bagi gabungan BM, BS dan DK pula, terdapat 3 orang atau 2% yang memilihnya sebagai bahasa komunikasi mereka. Jadual 4 juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa bahasa yang langsung tidak digunakan oleh para responden sebagai bahasa pilihan mereka ketika bertutur dengan saudara rapat. Antaranya ialah BI, gabungan BS, BI dan DK, gabungan BM dengan bahasa atau dialek lain serta gabungan BM dengan BI.

SAUDARA JAUH

Saudara jauh ialah seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang tidak akrab. Kamus Perdana (2021) mentakrifkan saudara jauh ialah saudara yang jauh hubungan kekeluargaannya. Berdasarkan Jadual 4, DK didapati menjadi pilihan utama responden apabila berinteraksi bersama dengan saudara jauh. Hal ini boleh dilihat menerusi dapatan, iaitu seramai 67 orang atau 44.7% memilih DK sebagai pilihan utama mereka, manakala 27 orang atau 18% memilih gabungan BS

dengan DK. Seterusnya, bilangan responden yang memilih gabungan BM, BS dan DK pula, seramai 26 orang atau 17.3%. Bagi gabungan BM dengan DK pula, seramai 18 orang atau 12% telah memilih bahasa berkenaan sebagai bahasa pilihan ketika berinteraksi bersama dengan saudara jauh mereka. Selain itu, terdapat juga responden yang menggunakan BM, iaitu 6 orang atau 4% dan 5 orang atau 3.3% menggunakan BS. Dalam hubungan dengan saudara jauh ini didapati bahawa BI, gabungan BS, BI dan DK dan gabungan BM dengan bahasa atau dialek lain tidak digunakan. Sementara itu, gabungan yang melibatkan BI dengan BM mencatatkan hanya 1 orang atau 0.7% yang memilihnya dan dapatan ini tidak signifikan. Secara keseluruhannya, bahasa utama yang digunakan oleh responden ketika bertutur atau berinteraksi bersama dengan saudara jauh ialah DK.

SAUDARA-MARA KAHWIN CAMPUR

Saudara-mara kahwin campur ialah seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada daripada belah suami, isteri, datuk, nenek yang berkahwin dengan bangsa atau kaum lain. Menerusi kajian didapati bahawa terdapat seramai 17 orang sahaja responden yang terlibat. Daripada jumlah ini didapati bahawa seramai 9 orang atau 52.9% memilih gabungan BS dengan DK sebagai bahasa utama yang digunakan apabila berinteraksi bersama dengan saudara mara mereka yang berkahwin campur. Seterusnya, terdapat juga 3 orang atau 17.6% yang menggunakan BM. Selain itu, seramai 2 orang atau 11.8% yang memilih BS sepenuhnya sebagai bahasa pilihan mereka. Bagi DK, gabungan BM, BS dan DK dan gabungan BM dan DK pula dilihat kurang digunakan kerana jumlah keseluruhan responden yang terlibat, hanya 1 orang atau 5.9% sahaja.

FAKTOR-FAKTOR PILIHAN BAHASA SIAM

Dalam sesebuah masyarakat majmuk terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penggunaan sesuatu bahasa dalam komunikasi harian. Bagi masyarakat di Pendang, Kedah ini terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi responden untuk menggunakan BS apabila bercakap dengan seseorang. Faktor pertama ialah hubungan yang akrab. Faktor ini merupakan faktor yang paling mempengaruhi responden dalam pemilihan BS. Hal ini dikatakan demikian kerana, faktor ini merangkumi 32.8% daripada jumlah keseluruhan. Menerusi dapatan menunjukkan kebanyakan responden cenderung untuk menggunakan BS ketika bertutur dengan orang-orang yang rapat atau mempunyai hubungan yang akrab dengan mereka. Oleh hal yang demikian, maka jelaslah bahawa faktor ini menjadi salah satu faktor yang banyak mempengaruhi pemilihan BS yang dibuat oleh responden.

JADUAL 6. Faktor-faktor Pemilihan Bahasa Siam

Faktor-faktor Pemilihan Bahasa Siam	Jumlah	Peratus (%)
A. Bahasa pertuturan majoriti	30	20
B. Bahasa penguasaan sejak kecil/sekolah/kejiranan	24	16
C. Bahasa yang praktikal dan mudah difahami	11	7.3
D. Faktor keturunan	11	7.3
E. Hubungan yang akrab	49	32.7
F. Kebiasaan pertuturan	15	10
G. Lain-lain	10	6.7
Jumlah	150	100

Seterusnya, pemilihan BS yang dilakukan oleh responden adalah disebabkan oleh faktor bahasa pertuturan majoriti yang merangkumi 20%. BS merupakan bahasa yang dipertuturkan secara meluas di kawasan kajian dan kawasan-kawasan sekitarnya. Keadaan ini telah menjadi suatu kelaziman dalam masyarakat ini. Selain itu, terdapat juga responden yang memilih BS disebabkan oleh faktor bahasa pergaulan sejak kecil sebanyak 16%. Kebanyakan responden kajian ini terdiri daripada penduduk dan anak jati di Kampung Bendang Raja. Oleh hal yang demikian, rata-rata responden kajian ini membesar dengan menggunakan BS sebagai bahasa pertuturan kebanyakan orang-orang di sekeliling mereka. Malah bahasa ini sudah menjadi bahasa pertama atau ibunda dalam kalangan komuniti ini khususnya golongan muda. Oleh itu, faktor ini telah menyebabkan responden memilih BS sebagai bahasa pertuturan harian mereka. Faktor seterusnya pula, melibatkan faktor kebiasaan pertuturan, iaitu sebanyak 10%. Hal ini disebabkan oleh BS sudah menjadi bahasa utama harian masyarakat di kampung ini. Sementara itu, terdapat juga faktor-faktor seperti faktor keturunan dan faktor bahasa yang praktikal dan mudah difahami. Kedua-dua faktor ini masing-masing merangkumi peratusan sebanyak 7.3% daripada jumlah keseluruhan. Hal ini disebabkan responden kajian kebanyakan berketurunan Siam dan menganggap BS ini bahasa yang mudah dan praktikal untuk digunakan dalam interaksi harian.

Selain daripada faktor-faktor tersebut, terdapat responden yang menggunakan BS disebabkan oleh faktor lain, iaitu faktor usia sebanyak 6.7%. Hal ini kerana, semakin berusia seseorang itu, semakin tinggi tahap penguasaan bahasa siamnya atau sebaliknya. Oleh hal yang demikian, maka jelaslah bahawa faktor usia ini mampu untuk mempengaruhi pemilihan BS responden dalam kajian ini walaupun dapatan ini kurang signifikan. Secara keseluruhannya, faktor-faktor yang dinyatakan dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa ia mampu untuk mempengaruhi pemilihan BS dalam kalangan masyarakat kajian. Faktor-faktor ini telah mewujudkan kepelbagaian variasi dalam PB oleh masyarakat Siam di Kampung Bendang Raja ini.

PERBINCANGAN

Dalam sesebuah masyarakat majmuk adakalanya PB yang dilakukan oleh masyarakat penutur bersifat rencam. PB berkaitan dengan faktor sosial dan budaya masyarakat. Kebanyakan pengkaji bahasa berpendapat PB mempunyai faktor-faktor yang mempengaruhinya antaranya, (1) penutur yang terlibat semasa interaksi berlangsung; (2) keadaan atau situasi sama ada formal atau tidak formal; (3) Matlamat atau subjek perbincangan. Holmes (2008) misalnya menyatakan PB banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti status, jarak, formaliti atau latar dan fungsi komunikasi dalam kalangan komuniti tersebut. Berdasarkan konteks kajian ini dalam DKga didapati bahawa PB yang digunakan ialah bahasa majoriti atau bahasa yang dominan dalam masyarakat di Kampung Bendang Raja, Pendang, Kedah, iaitu campuran BS dan DK. Hal yang sama boleh dilihat dalam Kajian Nurul Atikah & Sa'adiah (2018) dalam DKga respondennya menggunakan BS sebanyak 81% sebagai bahasa komunikasi utama ketika berinteraksi dengan ibu bapa. Keadaan yang sama juga boleh dilihat dalam kajian Berawati et al. (2020) yang menunjukkan dalam DKga bahasa Bajau Sama paling banyak digunakan oleh generasi pertama berusia 40-69 tahun dan generasi kedua berusia 20-39 tahun. Walaupun begitu terdapat pengurangan dari segi pemilihan iaitu masing-masing sebanyak 80% dan 60%. Manakala generasi ketiga yang berumur 12 tahun ke bawah cenderung menggunakan BM sebanyak 70%.

Situasi yang sama juga boleh dilihat menerusi kajian Mohd. Arifin, Norazlina & Noor Aina (2020) terhadap 56 orang pelajar etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Kajian ini menunjukkan responden memilih dialek Melayu Brunei sebagai bahasa utama dalam DKga

sebanyak 71.4%. Selain itu, kajian oleh Siti Aisah, Riduan & Mohd Sharifudin (2019) menunjukkan bahasa Semai digunakan secara aktif dalam DKga di Kampung Orang Asli Serigala dan Kampung Orang Asli Changkat Bintang lebih 60%. Mandala kekeluargaan ini berada di dalam kelompok lingkaran dalam. Hal ini kerana PB yang digunakan dalam lingkaran dalaman menjadi asas utama kepada jati diri sesuatu masyarakat penutur bahasa dan dapat menilai status dan tahap bahasa mereka sama ada masih kekal malar digunakan atau sudah mulai terancam.

Hal yang sedikit berbeza dengan kajian Rahilah, Nasrun & Teo (2016) terhadap etnik minoriti, iaitu masyarakat Chetti di Kampung Gajah Berang, Melaka. Hasil dapatan dilihat dalam DKga, bahasa Chetti dan BI digunakan secara aktif, iaitu masing-masing 28.6% dan 47.6%. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Chetti ini masih memartabatkan bahasa Chetti walaupun BI ternyata menjadi pilihan bahasa dalam kehidupan seharian. Hal yang sama juga boleh dilihat dalam kajian Noraisikin, Mohammad Fadzeli & Harishon (2020) yang mendapati responden pertama menggunakan bahasa Cham kepada pasangan dan tidak kepada anak-anak kerana penolakan anak-anak untuk bertutur dalam bahasa Cham. Walaupun ibu bapa menggunakan bahasa Cham semasa bertutur dengan anak-anak tetapi respons yang diterima daripada generasi kedua ini ialah BM. Hal ini disebabkan oleh faktor penghijrahan masyarakat Cham ini yang telah menetap di Ulu Tiram, Johor telah menyebabkan bahasa Cham tidak lagi digunakan terutamanya generasi kedua, iaitu anak-anak yang lebih selesa menggunakan BM. Manakala kajian oleh Chong, Hendrikus & Collins (2018) menunjukkan PB dalam masyarakat Penan di Bintulu yang merupakan masyarakat multilingual yang bersifat rencam. Hasil kajian mendapati bahawa domain menentukan PB suku Penan Muslim. Responden kajian memilih bahasa Bintulu sebagai lambang identiti agama Islam; tetapi menggunakan bahasa Iban dalam hal interaksi interetnik dan intraetnik; dan, secara bersilih ganti menggunakan bahasa Penan.

Menerusi pelbagai dapatan dalam kajian di atas boleh disimpulkan bahawa bahasa masyarakat majoriti atau bahasa yang dominan membentuk PB dalam kalangan masyarakat khususnya dalam DKga. PB ini dipilih untuk digunakan kerana ia lebih mudah dan selesa. Selain itu, masyarakat minoriti itu tidak serupa untuk setiap ahli masyarakat khususnya golongan muda yang bahasanya mengalami perubahan secara keseluruhan (Nurul Atikah & Sa'adiah, 2018). Selain itu, dalam DKga yang berada dalam kelompok lingkaran yang menjadi asas atau dasar utama kepada jati diri dalam sesebuah masyarakat penutur. Keadaan ini secara tidak langsung menonjolkan identiti sesebuah bangsa sama ada kekal malar menggunakan bahasa ibunda atau sebaliknya. Kebiasaannya peralihan bahasa merujuk situasi masyarakat yang tidak lagi mempraktikkan bahasa ibundanya, iaitu peranan bahasa pertama telah diambil alih oleh bahasa lain yang lebih dominan. Peralihan ini lazimnya disebabkan oleh faktor-faktor sosial dan ekonomi dalam sesebuah masyarakat (Sa'adiah 2019; Siti Fairuz & Nor Hayati, 2019; Siti Noraini & Nor Hashimah 2018).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian menunjukkan PB menerusi DKga yang cenderung memilih campuran BS dan DK bagi hubungan dalam lingkungan pertama, kedua dan ketiga, iaitu adik-beradik, ibu bapa, datuk, nenek, saudara rapat dan saudara-mara berkahwin campur. Manakala, bagi lingkungan kedua bagi mentua, menantu dan lingkungan ketiga bagi ipar-duai, biras, besan serta saudara jauh memilih DK sebagai bahasa utama dalam komunikasi harian. Menerusi dapatan kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa PB sangat berkait rapat dengan sesuatu

hubungan dalam DKga dari segi jarak dan status sosial. Selain itu, PB dalam DKga menjadi salah satu pengukur kepada pengekalan identiti dan jati diri bahasa dalam sesebuah masyarakat.

RUJUKAN

- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad & Sharil Nizam Sha'ri. 2020. Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i7.448> Diakses pada: 20 Januari 2024.
- Chong Shin, Hendrikus Mangku & Collins, J. T. 2018. Pemilihan Bahasa Komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(4). <http://doi.org/10.17576/gema-2018-1804-05> Diakses pada: 22 Januari 2024.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat & Mohammed Azlan Mis. 2021. Pilihan Bahasa dalam Kalangan Etnik Minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian Awal. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2). <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-09> Diakses pada: 24 Januari 2024.
- Fishman, J. A. 1972. *The sociology of language*. Rowley, MA: Newbury House.
- Fishman, J. A. 1991. *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2020. Pengekalan dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa dengan Faktor Umur Penutur. *Jurnal Linguistik*, 24(2): 47-58.
- Holmes, J. 2008. *An Introduction to Sociolinguistics*. 3rd edition. London: Pearson Education Limited.
- Hussin, N. J., & Suhaimi, M. S. 2023. Pemilihan dan Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Anak Pasangan Kahwin Campur Orang Asli Jakun: Language Selection and Proficiency of Mixed Marriages Children of Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1). <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i1.8424> Diakses pada: 26 Januari 2024.
- Kamus Perdana*. 2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi. 2023. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas Berdasarkan Tiga Domain. *Jurnal Linguistik*, 27 (1), 129-139.
- Khuarul Nisaa Abdul Majid & Clarence Ngui Yew Kit. 2018. Perubahan Sosial Masyarakat Siam di Pendang, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-15.
- Mahmud Fasya & Dini Gilang Sari. 2021. Sociocultural Factors that Determine Language Choice in A Multilingual Society. *Sociolinguistic Study at Tanjungsari Market, Sumedang Regency. Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 595, 412-418.
- Mohammed Azlan Mis. 2010. Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies Volume*, 10(2). <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/111/102> Diakses pada: 26 Januari 2024.
- Mohammed Azlan Mis. 2012. Analisis Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Pasangan Kahwin Campur di Negeri Sarawak. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, Bil. 18, 65-87.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif, Norazlina Mohd Kiram & Noor Aina Dani. 2020. Aplikasi Teori Analisis Domain dalam Domain Bahasa Etnik Melayu Brunei di Sabah. *Malaysian Journal*

- of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7).
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i7.442> Diakses pada: 26 Januari 2024.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020. Peralihan Bahasa dalam Kalangan Dua Generasi Cham Malaysia. *Akademika*, 90 (2).
<https://doi.org/10.17576/akad-2020-9002-07> Diakses pada: 26 Januari 2024.
- Nurul Atikah Binti Marshid & Sa'adiyah Ma'alip. 2018. Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Multilingual: Minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-14.
- Othman Lebar. 2014. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong. 2016. Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu*, 15(2), 210-222.
- Sa'adiyah Ma'alip. 2015. Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi di Laman Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 231-246.
- Sa'adiyah Ma'alip. 2019. Tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol di Melaka. *Akademika*, 89(1), Special Issue. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-10> Diakses pada: 28 Januari 2024.
- Siti Aisah binti Zailani, Riduan Makhtar & Mohd Sharifudin bin Yusop. 2019. Pemilihan Bahasa Dalam Masyarakat Semai Di Hulu Selangor. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (9), 115-132.
- Siti Fairuz Mohd Yusof & Nor Hayati Sa'at. 2019. Antara tradisi dan pembangunan dalam konteks perubahan sosiobudaya komuniti muara. *Akademika*, 89(3). <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8903-03> Diakses pada: 28 Januari 2024.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika* 88(1).
<https://doi.org/10.17576/akad-2018-8801-10> Diakses pada: 28 Januari 2024.

Muhamad Khairul Najmi Amran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: khairulnajmi947@gmail.com

Wan Robiah Meor Osman (Penulis koresponden)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: mowrobiah@ukm.edu.my

Nor Fazila Ab Hamid
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: norfazilaabhamid@ukm.edu.my